

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 3 – 7 APRIL 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my.

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
05.04.17 (Rabu) 02.30 petang	Boustead Heavy Industries Corp. Bhd (AGM)	The Royale Chulan Damansara Hotel, Mutiara Ballroom
06.04.17 (Khamis) 09.00 pagi	Pharmaniaga Bhd (AGM)	The Royale Chulan Damansara Hotel, Mutiara Ballroom
06.04.17 (Khamis) 10.00 pagi	Malayan Banking Bhd (AGM/EGM)	Sime Darby Convention Centre, 1A, Jalan Bukit Kiara 1
06.04.17 (Khamis) 10.30 pagi	KLCC Property Holdings Bhd (AGM)	Mandarin Oriental Kuala Lumpur, Kuala Lumpur City Centre
06.04.17 (Khamis) 02.00 petang	Boustead Holdings Bhd (AGM)	The Royale Chulan Damansara Hotel, Mutiara Ballroom

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/Isu Untuk Diajukan
Boustead Heavy Industries Corp. Bhd (AGM)	<p>Aktiviti Kumpulan yang menjana pendapatan kini diklasifikasikan kepada tiga bahagian yang berbeza iaitu Bahagian Pertahanan dan Keselamatan, Bahagian Tenaga dan Bahagian Komersial.</p> <ol style="list-style-type: none">Bolehkah Lembaga maklumkan kepada para pemegang saham jumlah kontrak/projek yang belum diselesaikan dan purata baki tempoh di bawah setiap bahagian?Di bawah Bahagian Pertahanan dan Keselamatan, adakah Kumpulan berjaya menembusi atau meneroka peluang perniagaan serantau? Apakah sasaran yang ditetapkan, pencapaian dan garis masa, jika ada?

<p>Pharmaniaga Bhd (AGM)</p>	<p>1) Kami mendapati nisbah semasa Kumpulan adalah pada tahap kurang 1 kali. Apakah nisbah semasa optimum yang disasarkan Kumpulan? Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan nisbah ini?</p> <p>Kami juga mendapati pinjaman jangka pendek berjumlah RM616.7 juta akan matang pada tahun kewangan (TK) 2017. Bilakah pembayaran balik pinjaman/bon yang seterusnya? Adakah Kumpulan dapat memenuhi jadual pembayaran balik ini dan berapakah jumlahnya?</p> <p>2) Dalam halaman 194 Laporan Tahunan, kami mendapati ada pendahuluan sebanyak RM17.2 juta yang diberikan kepada pemegang saham korporat sebuah anak syarikat.</p> <p>a) Apakah rasional pemberian pendahuluan kepada pemegang saham korporat ini?</p> <p>b) Adakah pemegang saham korporat itu pihak berkaitan?</p>
<p>Malayan Banking Bhd (AGM/EGM)</p>	<p>1. Kumpulan Maybank beroperasi dalam pelbagai pasaran antarabangsa sebagai satu entiti di seluruh ASEAN dan kawasan-kawasan lain di luar negara. Memandangkan persaingan yang semakin meningkat, kos operasi yang lebih tinggi dan persekitaran mencabar di seluruh kawasan ini:</p> <p>a) Apakah strategi relevan yang perlu dilaksanakan oleh Lembaga untuk memastikan keamanan, keuntungan, pertumbuhan dan kecekapan kos Kumpulan Maybank pada masa hadapan?</p> <p>b) Bagaimanakah tahap kemampuan model semasa operasi cawangan Kumpulan Maybank dalam memenuhi jangkaan pelanggan dan keperluan canggih dalam rangkaian globalnya seperti yang dinyatakan pada muka surat 10 hingga 11 dalam Laporan Tahunan?</p> <p>2. Memandangkan terdapat pelbagai perubahan dalam industri perbankan, contohnya syarikat Fintech, keperluan modal yang lebih ketat:</p>

	<p>a) Bagaimanakah Lembaga melihat perjalanan Kumpulan Maybank di tengah-tengah perkembangan ini?</p> <p>b) Adakah Maybank akan menukar model Kumpulan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dan inovasi teknologi termasuk impak daripada syarikat-syarikat Fintech?</p>
<p>KLCC Property Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Syarikat menandatangani pajakan baharu dengan ExxonMobil Exploration & Production Malaysia Inc. (“ExxonMobil”) untuk tempoh 9 tahun yang bermula pada 1 Februari 2017 dan berakhir 31 Januari 2026, dengan pilihan untuk memperbaharui selama 3 penggal berturut-turut, 3 tahun setiap satu. ExxonMobil menduduki 60% daripada bangunan itu.</p> <p>Bolehkah Lembaga berikan maklumat terkini mengenai status penyewa baharu yang berpotensi menduduki baki 40% daripada bangunan itu?</p>
<p>Boustead Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Seperti yang dinyatakan dalam Penyata Pengerusi, Bahagian Hartanah dan Perladangan merupakan penyumbang utama kepada keuntungan Kumpulan selepas cukai bagi TK2016 dengan hampir semua Bahagian menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.</p> <p>Walau bagaimanapun, kami mendapati keputusan kewangan Bahagian Hartanah dan Perladangan yang melonjak naik adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan daripada pelupusan pelaburan dan tanah. Bahagian Industri Berat pula terus suram walaupun mencatatkan kerugian lebih rendah pada TK2016 berbanding tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>a) Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan prestasi kewangan yang lebih baik ini dapat dikekalkan dan bahagian manakah yang dijangka menunjukkan prestasi cemerlang dalam TK2017 dan seterusnya?</p> <p>b) Adakah Bahagian Hartanah dan Perladangan dijangka mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi walaupun tanpa sebarang pelupusan tanah atau aset? Sila jelaskan.</p>

	<p>c) Bilakah Bahagian Industri Berat dijangka akan pulih semula dan apakah faktor utama yang memulihkannya?</p>
--	--